

MAJLIS BERBUKA PUASA & CERAMAH SEMPENA RAMADAN '08



Bersempena meraikan bulan Ramadan yang mulia, Kelab Kebajikan & Sosial Rekreasi SPE telah mengadakan Ceramah Agama dan Majlis Berbuka Puasa yang dihadiri oleh kakitangan beragama Islam di SPE. Ceramah agama telah disampaikan oleh Ketua Unit Agama UMS, Ustaz Israqq Ramli . Majlis turut dihadiri oleh Dekan serta kakitangan beragama Islam serta pelajar-pelajar. Seterusnya tetamu dan seluruh kakitangan serta keluarga masing-masing menikmati jamuan Majlis Berbuka Puasa dengan pelbagai hidangan yang lazat secara buffet di Le'Chateau Restaurant. Pelbagai juadah yang begitu menyelerakan telah disediakan oleh pelajar-pelajar perhotelan. Tetamu ternyata gembira dan berpuashati dengan juadah yang disediakan. Di majlis yang sama turut meraikan perpisahan kepada bekas pensyarah, Tn. Hj. Khairi Ismail yang menamatkan perkhidmatannya sebagai pensyarah di SPE selain majlis turut meraikan sambutan harijadi beberapa orang kakitangan yang menyambut kelahiran pada bulan September.